

14/03/2002

UTM sepintas lalu

Syuhada Choo Abdullah

TARIKH 14 Mac memberi makna tersendiri dan cukup penting kepada seluruh warga Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memperingati detik pengisytiharannya sebagai bertaraf institusi pengajian tinggi, 30 tahun lalu.

Kenaikan taraf berkenaan boleh disifatkan suatu pengiktirafan berharga selepas institusi itu melalui pahit manis perjuangan semenjak memulakan operasi sebagai kelas pengajian teknik di bangunan Dewan Bandaran Kuala Lumpur dari seawal 1904.

Kelas pengajian teknik berkenaan mengalami beberapa 'penghijarahan' status, termasuk pernah dinaikkan taraf kepada Maktab Teknik sehinggalah pada 1967, Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Tinggi memperakukan supaya maktab itu beroperasi sebagai universiti mulai 1969.

Bagaimanapun, perakuan itu hanya terlaksana tiga tahun kemudian dengan penubuhan Institut Teknologi Kebangsaan pada 14 Mac 1972 di bawah Seksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971.

Pada 1 April 1975, institut itu bertukar nama kepada UTM. Ini disusuli dengan pengkorporatan pentadbiran universiti berkenaan dari segi 'governance' pada 15 Mac 1998 dan seterusnya pada 28 Ogos 1999, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan tema UTM, iaitu 'Universiti Diskoveri'.

Kini, UTM memiliki sebuah kampus induk di tapak seluas 1,177 hektar di Skudai, Johor, dan sebuah kampus cawangan di kawasan seluas 18 hektar di Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Bertepatan dengan temanya, UTM sentiasa memberikan tumpuan yang serius terhadap aktiviti penyelidikan, malah hasil kajian universiti itu diiktiraf sehingga ke peringkat antarabangsa.

Ini terbukti dengan kemenangan UTM dalam pertandingan bertaraf dunia seperti International Exhibition of Invention New Technique and Products di Geneva dari 1999 sehingga 2001, Khwarizmi International Award (2000) dan Anugerah Saintis Muda Asean (2001).

Senarai kejayaan itu ditambah dengan beberapa pengiktirafan lagi pada peringkat tempatan, termasuk Anugerah Pereka Cipta Negara pada 1999 serta di ITEX (1998 dan 1999).

Universiti itu berjaya menghasilkan banyak produk berkualiti hasil daripada idea kreatif, inovatif serta produktif. Antara hasil kebitaraan berkenaan ialah penubuhan University-Industry Technology Advancement Programme (UNITAP), kampus siber yang bertujuan mencapai aspirasi kecemerlangan era digital dan maklumat melalui teknologi maklumat secara menyeluruh serta bersepadu.

Malah, UTM memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri pada 1999 berikutan kecemerlangannya dalam menggerakkan jentera pentadbiran bagi mendokong wawasan universiti untuk menjadi pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia.

Sejak ditubuhkan pada 1972, UTM berjaya melahirkan lebih 70,000 graduan, khususnya yang berasaskan bidang sains dan teknologi, manakala lebih 29,000 pelajar lagi sedang mengikuti pengajian pada peringkat diploma, ijazah sarjana muda, diploma lepas ijazah, ijazah sarjana serta doktor falsafah (PhD).

Bagi melaksanakan lebih 180 program (termasuk kursus kerjasama pendidikan Akademi Tentera Malaysia/ATMA) yang ditawarkan dalam aneka bidang di pelbagai peringkat pengajian, UTM menyediakan 10 fakulti, sebuah

Pusat Pengajian Diploma, sebuah Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial dan sebuah Sekolah Pengajian Siswazah.

Fakulti terbabit ialah Fakulti Alam Bina (FAB), Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Sumber Asli (FKKSA), Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi (FKSG), Fakulti Pendidikan (FP), Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM), Fakulti Sains (FS), dan Fakulti Sains Komputer & Sistem Maklumat (FSKSM).

Dari segi kepimpinan UTM pula, universiti itu diterajui oleh Lembaga Pengarah dan Senat selain lebih 3,000 kakitangan di mana separuh daripadanya merupakan tenaga akademik.

Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) berperanan sebagai antara paksi utama sumber ilmu di UTM. Perpustakaan itu menyimpan lebih 35,000 bahan monograf, 9,000 judul terbitan dalam dan luar negara, 5,000 bahan media elektronik, 39,000 bahan kartografi termasuk lukisan terukir, dan 189,000 bahan pandang dengar yang terdiri daripada pelbagai jenis.

Berikutan peningkatan bilangan pelajarinya, UTM menyediakan tiga blok dewan kuliah, iaitu L50, N24 dan P19, dengan setiap blok itu mengandungi tiga dewan kuliah yang dilengkapi kemudahan alat pandang dengar dan boleh menampung sehingga 500 pelajar.

UTM juga mewujudkan Biro Inovasi dan Perundingan yang merupakan saluran penting untuk memasarkan khidmat perundingan serta hasil penyelidikan dan pembangunan di samping menganjurkan pelbagai program atau kursus.

Antara hasil penyelidikan yang sudah dikomersialkan ialah Sine Slab dan Electroplating. Biro itu juga menguruskan Technovation Park yang dilengkapi infrastruktur seperti pusat industri, kompleks usahawan teknologi (Mara) dan pusat inkubator.

Sementara itu, Sekolah Profesional dan Pendidikan Lanjutan (Space) UTM pula menawarkan peluang melanjutkan pelajaran separuh dan juga sepenuh masa melalui program luar kampus yang terdapat di Johor Bahru, Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Kelantan, Ipoh, Alor Setar, Kulim, Sabah dan Sarawak.

SPACE turut terbabit dalam usaha sama pendidikan melalui program kerjasama, antaranya dengan Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang dan Kolej Premier selain menyediakan program khas dengan Terengganu Advanced Technical Institute.

Selain fokus terhadap pembangunan akademik serta penyelidikan, UTM juga tidak melupakan aspek kebajikan pelajarinya. Universiti itu menyediakan kemudahan asrama di dalam dan luar kampus yang boleh menampung lebih 10,000 pelajar.

Enam kolej disediakan di dalam kampus, iaitu Kolej Rahman Putra, Kolej Tun Fatimah, Kolej Tun Razak, Kolej Tun Hussein Onn, Kolej Tuanku Canselor dan Kolej Tun Dr Ismail.

Dua lagi kolej disediakan di luar kampus, iaitu Kolej Siswa Desa Skudai dan Kolej Melawis. Setiap kolej terbabit dilengkapi dengan pelbagai prasarana, termasuk kafetaria, surau, kedai runcit, dewan serbaguna dan kemudahan untuk bersukan, malah ada yang mempunyai kedai gambar, kedai komputer serta perkhidmatan dobi.

Untuk tujuan riadah dan sukan pula, UTM menyediakan sebuah kompleks sukan yang dilengkapi tiga gelanggang skuasy, badminton (11), bola tampar (dua) serta kemudahan permainan dalam dewan.

Di samping itu, UTM juga mempunyai empat padang bola sepak, tenis (16), sepak takraw (14), bola keranjang (tujuh), bola tampar (12), ragbi (satu), hoki (10) serta sebuah tasik untuk aktiviti sukan air.

Tidak ketinggalan disediakan ialah Pusat Kesihatan UTM sebagai kemudahan perkhidmatan kesihatan serta pergigian kepada pelajar dan kakitangan. Pusat kesihatan berkenaan dilengkapi dengan kemudahan penting seperti

makmal, bilik x-ray, bilik pembedahan kecil, bilik rawatan kecemasan, wad isolasi, wad observasi, dispensari, klinik pesakit luar dan bilik dialisis.

UTM juga menyediakan perkhidmatan pengangkutan di dalam dan luar kampus di mana lebih 14 bas disediakan untuk menjalankan perkhidmatan sepenuh masa.

Sebagai sebuah universiti yang semakin ramai warganya, UTM menyediakan kemudahan dewan besar, Dewan Sultan Iskandar (DSI), yang boleh menampung lebih 4,000 orang, dan Masjid Sultan Ismail (10,000 jemaah) dengan kemudahan seperti bilik kuliah, bilik seminar, dewan jamuan, pusat sumber, bilik pengurusan jenazah dan pejabat pengurusan masjid.

Dua cawangan Bank Utama beroperasi dengan empat mesin pengeluaran wang di samping perkhidmatan pos turut disediakan di dalam kampus untuk kemudahan warganya.